

07 SEP 1997

Mahathir-Budaya

BUDAYA TAK BANYAK DIBAHASKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Presiden Umno menganggap perhimpunan agung Umno selama tiga hari, yang berakhir petang ini, sebagai tidak bersemangat kerana perwakilan tiada peluang untuk mengkritik sebaliknya membincangkan perkara yang sangat akademik seperti budaya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ramai yang membahaskan mengenai peranan budaya dan agama dalam pembentukan peribadi walaupun beliau banyak membangkitkannya dalam ucapan Presiden.

"Perbahasan pada tahun ini taklah gamat seperti tahun yang lepas kerana dalam perhimpunan agung Umno ini, kalau tak ada peluang nak hentam, tak berapa syoklah... kalau boleh hentam Majlis Tertinggi, seronoklah sikit atau hentam korporat.

"Tetapi bila kena bincang perkara yang begitu akademik seperti budaya... perbahasan kita tak begitu bersemangat," katanya ketika menggulung pada akhir perhimpunan agung itu, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri berkata ucapannya banyak menyentuh mengenai budaya termasuk peranannya yang amat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu bangsa itu.

"Kalau sesuatu bangsa itu tidak berjaya, bukanlah sebab warna kulit, iklim atau kerana ianya mempunyai agama yang tidak sesuai atau lain-lain.

"Sebabnya sesuatu bangsa itu tidak berjaya ialah kerana budayanya tidak sesuai dengan kejayaan...tetapi kalau sesuai, ia akan berjaya," katanya sambil menambah budaya adalah jumlah segala nilai-nilai yang dipegang oleh bangsa itu.

Dr Mahathir berkata beliau telah banyak kali membangkitkan perkara itu termasuk dalam bukunya "The Malay Dilemma" dan "The Challenge" yang semuanya bertumpu kepada soal budaya.

Beliau berkata Jepun dan Jerman berjaya membangunkan negara mereka yang telah hancur akibat kekalahan dalam Perang Dunia Kedua kerana mereka mempunyai budaya yang sesuai dengan kejayaan.

Hari ini mereka merupakan kuasa besar ekonomi setelah mengamalkan budaya yang sesuai dan berjaya membangunkan semula negara mereka daripada kehancuran.

Dr Mahathir berkata dalam budayanya, orang Jepun mempunyai rasa malu yang begitu kuat sehingga di zaman dahulu mereka sanggup membunuh diri dengan cara "harakiri" jika berasa malu.

"Dia malu sangat kalau termalu...untuk elak malu, dia akan buat sesuatu hingga capai kejayaan. Bukan kerana itu saja... ada banyak lagi (mengenai orang Jepun) termasuk rajin bekerja, tekun, berani dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata orang Jerman pula begitu berdisiplin, tekun dan sanggup bekerja keras sehingga akhirnya dapat membangunkan negara mereka sehingga menjadi lebih kuat dan kukuh daripada negara yang mengalahkan mereka semasa Perang Dunia iaitu Perancis dan Britain.

Perdana Menteri berkata itu menunjukkan bahawa modal selain tubuh badan kita tidak begitu penting kerana modal yang terpenting ialah pegangan kita kepada nilai-nilai hidup.

"Sebab itu saya cuba ulaskan tentang soal budaya ini... malangnya tak begitu ramai yang telah membincangkan tentang budaya dan peranan yang dimainkan oleh agama dalam membentuk peribadi yang boleh mencapai kejayaan,"katanya.

Dalam persidangan berita selepas perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata para perwakilan tidak banyak menyentuh mengenai soal-soal budaya dan agama kerana mungkin mengambil sikap berhati-hati.

Beliau mengakui sukar untuk membahaskan soal-soal itu kerana ia mudah disalah-erti.

Ketika ditanya mengenai tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang terus melakukan tangkapan terhadap mereka yang dikatakan tidak berpakaian sopan di pusat hiburan, Dr Mahathir berkata perkara itu akan diteliti untuk menentukan sama ada tindakan itu dibuat mengikut peraturan atau tidak.

Ditanya mengenai gesaan supaya pemilihan jawatan parti yang dijadualkan pada tahun 1999 ditangguhkan sehingga tahun 2000, beliau berkata perkara itu belum ditimbang oleh parti. -- BERNAMA

AZZ RON